

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT , PENGGAL KEFOUR
PARLIMEN KEELEVEN**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15 Mei 2007

SOALAN

YB DATO' RHINA BHAR minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan akta-akta yang mendiskriminasikan wanita di mana akta ini belum dipinda semenjak Artikel 8 Perlembagaan Persekutuan dipinda, yang telah memberi hak yang saksama pada wanita-wanita di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua, Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berikutan daripada pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan pada bulan Ogos 2001 yang memasukkan perkataan “gender” untuk menjamin supaya tiada sebarang diskriminasi berasaskan gender, beberapa pindaan perundangan telah dibuat seperti berikut: (i) pindaan ke atas Peraturan Imigresen bagi membolehkan lelaki asing yang berkahwin dengan wanita rakyat Malaysia memperbaharui pas lawatan sosial mereka lima tahun sekali berkuat kuasa mulai 15 Mac 2007 dan wanita asing yang diceraikan atau tinggal berasingan dengan suami warganegara Malaysia boleh memohon pas lawatan secara tahunan berkuat kuasa mulai 1 September 2001; (ii) pindaan ke atas Akta Pencen 1980 bagi membolehkan balu yang berkahwin semula terus mendapat pencen terbitan, mulai tahun 2002. Selaras dengan itu, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 juga telah dipinda pada tahun 2005 bagi membolehkan bayaran pencen kepada balu/duda yang telah berkahwin semula dikekalkan; dan (iii) pindaan ke atas Akta Tanah (Kawasan Penempatan), 1960 pada tahun 2002 bagi membolehkan isteri atau bekas isteri atau waris kadim peneroka yang memasuki tanah rancangan dan bersama-sama mengusahakan ladang menjadi pemilik bersama tanah berkelompok; dan (iv) pindaan ke atas Kanun Keseksaan dan Kanun Tatacara Jenayah pada tahun 2006 bagi meningkatkan hukuman ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berkaitan jenayah seksual seperti rogol dan rogol mahram (incest). Tuan Yang di-Pertua, Menyedari bahawa masih terdapat undang-undang yang perlu dikaji semula bagi memastikan tiada unsur-unsur yang mendiskriminasikan wanita, langkah berterusan untuk meneliti dan menyemak undang-undang sedang diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan kerjasama agensi kerajaan yang lain dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menjamin hak wanita di sisi undang-undang terus dipelihara. Untuk makluman Ahli Yang terhormat, antara undang-undang yang sedang dikaji adalah seperti berikut: i) cadangan pindaan ke atas Akta Keganasan Rumahtangga 1994 bagi memperuntukkan perkara antaranya ialah perluasan takrifan keganasan rumah tangga yang meliputi aspek emosi, mental dan psikologi dan memudahkan proses permohonan Perintah Perlindungan Sementara atau Interim Protection Order (IPO); dan ii) Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja 1994 untuk memasukkan peruntukan mengenai gangguan seksual. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Kesaksamaan Gender pada 27 Julai 2006 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah bersetuju supaya: i) satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Jabatan Peguam Negara ditubuhkan bagi mengkaji perkara-perkara dalam Perlembagaan Persekutuan yang mendiskriminasikan gender; ii) satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ditubuhkan bagi mengkaji peruntukan Akta Imigresen 1959 dan Peraturan-peraturan Imigresen 1963 yang mendiskriminasikan wanita; dan iii) satu jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia ditubuhkan bagi mengkaji peraturan dan undang-undang berkaitan pekerjaan yang tidak memenuhi standard Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) serta bias dari segi gender. Kerajaan terus mempergiatkan usaha untuk mengkaji semula undang-undang dan peraturan sedia ada yang dianggap mendiskriminasikan wanita. Dalam hubungan ini, kerajaan juga sedang membuat pindaan ke atas beberapa peruntukan di bawah Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Penceraian) 1976, Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) dan Perlembagaan Persekutuan. Langkah ini adalah selaras dengan pindaan Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan iaitu supaya tidak ada undang-undang dan peraturan yang mendiskriminasikan wanita.

Jawapan Disediakan Oleh :- 1) Nama : Cik Wan Nur Ibtisam Wan Ismail 2) Jawatan : Ketua Penolong Setiausaha 3) Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat 4) No. Tel. : 03-2690 4040

Jawapan Disemak Oleh:- 1) Nama : Cik Zuraidah binti Amiruddin 2) Jawatan : Timbalan Setiausaha Bahagian (DWK) 3) Bahagian : Dasar Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Jawapan Diluluskan Oleh:- 1) Nama : Cik Norhayati binti Sulaiman 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar)

Jawapan Diluluskan Oleh Kementerian:- 1) Nama : Y. Bhg. Datuk Faizah binti Mohd Tahir 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

MAKLUMAT TAMBAHAN i) Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 • Akta ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan

perkara-perkara yang berkaitan. • KPWK M sedang dalam tindakan untuk meminda undang-undang ini. Antara cadangan pindaan adalah berkaitan dengan: - Takrifan yang sedia ada tidak merangkumi perkara-perkara seperti penderaan emosi, mental dan bahan-bahan yang memabukkan dan khayal, orang dewasa tak berkeupayaan, tempat selamat dan tempat berlindung. Ini menimbulkan kesulitan dan kekeliruan dalam penguatkuasaan Akta ini. Justeru, Kementerian ini mencadangkan pindaan dibuat dengan memperluaskan takrifan keganasan rumah tangga supaya mangsa boleh mendapat perlindungan sewajarnya; - Cadangan pindaan kepada perintah perlindungan interim (IPO) adalah bagi memudahkan proses permohonan IPO, memperluaskan tuntutan pampasan kepada mangsa di samping turut memberikan kuasa penangkapan tanpa waran kepada polis; dan - Peruntukan baru dicadangkan bagi memasukkan permohonan untuk IPO dibuat melalui permohonan ex-parte sama ada oleh pengadu, peguamnya atau pegawai polis. Peruntukan ini diperlukan bagi memberikan perlindungan yang lebih menyeluruh kepada mangsa dan supaya IPO yang dipohon tersebut dapat berfungsi dengan berkesan. ii) Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 Akta 164 • Akta ini bertujuan untuk mewujudkan keseragaman dalam undang-undang berhubung dengan perkahwinan dan perceraian orang bukan Islam di Malaysia. Akta ini menggalakkan proses pendamaian bagi menjamin keutuhan institusi keluarga. Seksyen 55 memperuntukkan bahawa seseorang yang telah mengambil keputusan untuk bercerai haruslah terlebih dahulu mendapat pertolongan atau nasihat daripada mana-mana orang atau badan-badan tertentu berhubung dengan masalah dan kesulitan dalam rumah tangga sebelum suatu petisyen diserahkan kepada Mahkamah. Proses pendamaian ini adalah penting bagi mengurangkan kesan negatif dari segi kewangan, sosial dan psikologi ke atas pihak yang terbabit khususnya kanak-kanak. • Seksyen 106 memperuntukkan bahawa seseorang yang ingin membuat suatu petisyen perceraian di Mahkamah haruslah terlebih dahulu merujuk kepada suatu badan pendamai seperti tribunal perkahwinan. Oleh yang demikian, badan pendamai perlu dianggotai oleh individu yang mempunyai kepakaran untuk membantu pasangan yang menghadapi kesulitan rumah tangga. Pertimbangan yang sewajarnya perlu diberikan oleh badan pendamai dalam membuat keputusan bagi memastikan kepentingan setiap pihak yang terlibat diambil kira. • KPWK M menjadi ahli Jawatankuasa Ad Hoc mengenai pindaan Akta Membaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976. Jawatankuasa Ad Hoc di bawah Jabatan Peguam Negara ini ditubuhkan untuk menyemak Akta tersebut bagi tujuan penambahbaikan ke atas peruntukan-peruntukan di dalam Akta tersebut seperti penyediaan perkhidmatan pengantaraan (mediation) dan kaunseling supaya kepentingan wanita dan anak-anak diutamakan. iii) Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 • Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 6 Oktober 2004 telah bersetuju dengan perkara-perkara seperti berikut: - supaya pindaan dibuat ke atas Akta Kerja 1955 untuk memasukkan peruntukan bagi menangani gangguan seksual; - supaya dipinda Akta Perhubungan Perusahaan 1967 untuk memasukkan perlindungan daripada gangguan seksual dalam perjanjian bersama antara majikan dan pekerja; dan - supaya diperluaskan takrifan keselamatan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 untuk merangkumi kecederaan bukan fizikal dan memperluaskan kebajikan pekerja bagi menangani kes gangguan seksual. • Kementerian Sumber Manusia dalam tindakan untuk membuat pindaan ke atas akta-akta tersebut. iv) Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 2005 • Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006 adalah bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan Undang-Undang Keluarga Islam di seluruh negara dan untuk melindungi kepentingan isteri. Namun begitu, kajian semula yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara (JPN) dan rumusan daripada mesyuarat-mesyuarat yang telah diadakan mendapati bahawa beberapa peruntukan tertentu dalam Akta tersebut wajar dipinda untuk memperjelaskan beberapa perkara yang dipertikaikan. • Penjelasan adalah penting bagi mengelakkan kekeliruan terhadap undang-undang berkenaan supaya matlamat dan tujuan baik penggubalan undang-undang tersebut diterima oleh masyarakat. Dalam masa yang sama, JPN juga akan meneruskan usaha untuk meminda Akta Ibu iaitu Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) bagi menambah baik peruntukan yang ada mengikut Hukum Syarak. • Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2006 dipinda untuk memperjelaskan beberapa perkara yang dipertikaikan seperti tafsiran harta sepencarian, syarat-syarat yang perlu dipertimbangkan oleh Mahkamah untuk membenarkan permohonan untuk berpoligami, alasan-alasan yang membolehkan isteri dan suami memohon fasakh dan permohonan injuksi pelupusan harta sepencarian. Peruntukan mengenai kadar mut'ah atau pembahagian saguhati kepada isteri yang diceraikan tanpa sebab-sebab

mengikut Hukum Syarak juga telah dipersetujui untuk diperjelaskan dalam Akta tersebut. • KPWKM turut terlibat dalam Mesyuarat Komuniti Syariah bagi meminda Rang Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan). Mesyuarat Komuniti Syariah ini ialah satu rangkaian pintar yang ditubuhkan di bawah Jabatan Peguam Negara yang melibatkan agensi-agensi kerajaan yang menjalankan fungsi yang berkaitan dengan Syariah, institusi pendidikan tinggi, badan-badan berkanun dan NGO. Kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi berkenaan melalui sesi pertukaran fikiran dan idea adalah sangat penting dalam mengatasi isu-isu semasa undang-undang yang berkaitan dengan Syariah termasuk perkara yang boleh dianggap mendiskriminasikan wanita.

